

05 OCT 1996

Gerakan-perlembagaan

PATUHI PERLEMBAGAAN GERAKAN SEBAGAI AGAMA, KATA KENG YAIK

KUALA LUMPUR, 5 Okt (Bernama) -- Anggota-anggota Gerakan perlu sentiasa mematuhi perlembagaan parti kerana ia dianggap sebagai "satu agama dan undang-undang", kata presidennya Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik.

"Perlembagaan kita telah diteliti oleh mahkamah dan diuji sejak seminggu lepas. Hakim, peguam, media dan umum kini faham mengenai Perlembagaan kita," kata beliau ketika berucap pada perasmian Persidangan Perwakilan Kebangsaan ke 25 parti itu hari ini. Ia dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Momamad.

Lim merujuk kepada usaha Anggota Parlimen kawasan Batu Datuk Joseph Chong yang gagal mendapatkan perintah mahkamah agar Gerakan menerima beliau semula sebagai anggota Jawatankuasa Pusat bagi membolehkannya bertanding jawatan presiden.

Dalam pemilihan yang akan dibuat oleh 1,265 wakil hari ini, Lim akan ditentang oleh pengerusi cawangan Taman Wahyu di sini Cheang Chin Chai.

Lim yang berucap dalam bahasa Inggeris dan bahasa Melayu juga bercakap mengenai cubaan mewujudkan politik wang dalam parti itu tetapi usaha sedang dilakukan untuk menghapuskannya di peringkat tunas.

"Kegiatan politik wang amat jelas sekali semasa pemilihan parti di peringkat cawangan, bahagian dan negeri awal tahun ini," katanya.

Pemilihan di ketiga-tiga peringkat itu dicemari oleh penggunaan politik wang untuk mendapatkan undi dan seterusnya kedudukan oleh segelintir ahli, katanya.

Parti itu telah menubuhkan sebuah jawatankuasa khas yang dipengerusikan oleh Timbalan Presiden, Encik Kerk Choo Ting untuk menyiasat semua aduan mengenai politik wang dan jika ada bukti, ia akan dirujuk kepada Jawatankuasa Tatatertib untuk tindakan.

"Ahli parti tidak boleh bila-bila masapun membenarkan gejala ini menjengukkan kepalanya yang hodoh itu ke dalam parti," kata Lim.

Katanya sebagai sebuah parti yang komited kepada perjuangan mewujudkan sebuah negara yang adil, saksama dan bersatu, ahli parti harus mengembleng tenaga dan kekuatan ke arah membina asas ideologi parti serta memperkukuhkan sokongan di peringkat bawahan.

Lim turut menyentuh mengenai pendidikan, kekurangan tenaga kerja, kepentingan teknologi maklumat dalam pembangunan negara, dana pinjaman penuntut Gerakan, globalisasi, Wawasan 2020 serta kejayaan Dr Mahathir menjadi Perdana Menteri membawa pembangunan sejak 15 tahun menerajui kerajaan.

Beliau juga turut bercakap mengenai pentingnya rakyat bertindak tegas mengetepikan fahaman pelampau keagamaan dan politik kerana ia terbukti telah memecahbelahkan rakyat di banyak negara.

Lim juga mengumumkan pelancaran Skim Pinjaman Pendidikan Universiti untuk membantu anak ahli parti yang miskin untuk melanjutkan pelajaran ke universiti dan kolej tempatan berikutan penswastaan pusat pengajian tinggi.

Buat permulaan sebanyak RM5 juta diperuntukkan bagi skim itu.

--BERNAMA

ARA MAI